

2.2.2022

SIARAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

CUACA PANAS, PERMINTAAN AIR TINGGI DAN PEMADAMAN KEBAKARAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH SEBABKAN TEKANAN AIR RENDAH DI SPS

- **Cuaca panas sejak awal tahun, dengan hujan yang minimum.**
- **Permintaan air yang tinggi dalam tempoh sebelum Tahun Baru Cina.**
- **Aktiviti pemadaman kebakaran berterusan di tapak pelupusan sampah Pulau Burung sejak 12.1.2022.**

PULAU PINANG, Rabu, 2.2.2022: **Aktiviti memadam kebakaran di tapak pelupusan sampah Pulau Burung** menambahkan lagi isu tekanan air rendah yang berlaku di beberapa kawasan perumahan tanah tinggi dan hujung paip agihan di Seberang Perai Selatan (SPS).

Kebakaran gambut telah berlaku di tapak pelupusan sampah pada 12.1.2022. Anggota bomba telah mendapatkan air dari sungai berhampiran manakala Bomba Sukarela dan MBSP telah mengambil air dari pili air PBAPP yang terletak di sekitar kawasan tapak pelupusan sampah. Aktiviti memadam kebakaran seperti ini secara kebetulan, telah mengurangkan tekanan air di beberapa kawasan di SPS.

Cuaca panas & permintaan air sebelum Tahun Baru Cina yang tinggi

Faktor utama yang memburukkan lagi isu tekanan air rendah ialah cuaca panas digabungkan dengan permintaan air sebelum Tahun Baru Cina (CNY) yang tinggi.

Oleh kerana suhu yang tinggi, lebih ramai pengguna di Seberang Perai telah menggunakan lebih banyak air setiap hari. Khususnya, masyarakat Cina telah membuat persiapan untuk perayaan Tahun Baru Cina. Ketika orang

ramai menyambut Tahun Baharu Cina ini, trend penggunaan tinggi perayaan tahunan ini berkemungkinan berterusan sehingga pertengahan Februari 2022.

Penyelesaian jangka pendek

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sedang berusaha untuk menangani isu tekanan air rendah di SPS. Permintaan air di SPS telah meningkat dengan ketara disebabkan oleh pertumbuhan sosio ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Akibatnya, penduduk di beberapa kawasan perumahan seperti Residensi Merbok, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan kawasan berhampiran mengadu tekanan air rendah. **Semua kawasan ini terletak di kawasan yang lebih tinggi dan/atau di hujung paip agihan.**

Seperti yang dinyatakan dalam siaran media bertarikh 25.1.2022, PBAPP sedang menggunakan sumber dan melaksanakan langkah kejuruteraan bekalan air jangka pendek untuk meredakan keadaan. Langkah-langkah ini termasuk:

- Menambah baik dan mengkonfigurasi semula rangkaian bekalan air sedia ada untuk memastikan tekanan air yang baik dan konsisten.
- Menghubungkan “paip-paip mati” di lokasi-lokasi strategik bagi memastikan tekanan agihan air yang baik
- Mempergiatkan pemeriksaan untuk kebocoran, kerosakan injap atau “air lock” dalam sesalur utama dan saluran paip, dan menjalankan kerja “de-airing” jika diperlukan.
- Membaiki (atau mengganti) semua saluran paip dan injap bocor dalam masa sesingkat mungkin.
- Pemasangan 13 tangki air statik komuniti di Taman Widuri, Taman Seruling Emas, Sungai Duri, Taman Seri Putera, Sungai Duri Indah, Sungai Baong dan Kompleks Penjara Seberang Perai.

- Menghantar lori tangki air apabila perakam tekanan PBAPP mengesan gangguan bekalan air yang melebihi 24 jam.

Penyelesaian jangka panjang

Harap maklum bahawa isu tekanan air rendah di SPS tidak dapat diselesaikan sepenuhnya sehingga pelaksanaan program kejuruteraan bekalan air jangka panjang yang komprehensif untuk meningkatkan pengeluaran air terawat dan menaik taraf rangkaian pengagihan air sedia ada.

PBAPP mencadangkan pelaksanaan 5 projek berikut dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang bagi memastikan keselamatan dan kestabilan bekalan air di seluruh Seberang Perai sehingga 2030:

1. Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua;
2. Pakej 12A, LRA Sungai Dua (Projek modul rawatan air baharu);
3. Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang;
4. Fasa 1 LRA Sungai Muda; dan
5. Skim Bekalan Air Sungai Perai Baharu: Projek Proses pra-rawatan

Potensi hasil gabungan kesemua projek ini ialah **tambahan 569 juta liter air sehari (JLH)**. Selain itu, PBAPP juga perlu menaik taraf rangkaian bekalan airnya untuk membekalkan lebih banyak air kepada lebih ramai pengguna pada tekanan yang sesuai.

Semua projek kejuruteraan bekalan air yang dicadangkan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Secara ringkasnya, PBAPP sedang berusaha untuk menangani isu tekanan air rendah yang dihadapi oleh sebahagian pengguna air di beberapa kawasan di SPS. Bagaimanapun, isu tekanan rendah yang kelihatan terpencil ini secara langsung terkait dengan cabaran yang lebih besar untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di Seberang Perai menjelang 2030.

Pulau Pinang dan PBAPP mesti melabur ratusan juta ringgit untuk memastikan bekalan air mencukupi dan perkhidmatan bekalan air yang stabil untuk semua pengguna di Seberang Perai pada masa hadapan. Ia

juga akan mengambil masa beberapa tahun untuk melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air yang diperlukan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my